TAWAF WADA'
(TAWAF SELAMAT TINGGAL)

TAWAF WADA'

Pengertian Tawaf Wada'

Tawaf wada' ialah tawaf selamat tinggal yang wajib dilakukan bagi mereka yang hendak meninggalkan Makkah kerana menghormati dan memuliakan Baitullah.

أُمِرَ النَّاسُ أَن يَكُونَ آخِرُ عَهْدِهِمْ بِالْبَيْتِ إِلَّا أَنَّهُ خُفِّفَ عَنِ الْحَائِضِ

"Orang diperintahkan agar perkara terakhir mereka adalah tawaf di Baitullah, kecuali bagi wanita haid."

Sahih al-Bukhari (1755) dan Muslim (3283)

NOTA **Imam al-Nawawi menegaskan ini sebagai bukti kewajipan, jika ditinggalkan perlu membayar dam (tebusan).**



TAWAF WADA'

HUKUM TAWAF WADA' WAJIB BAGI:

1. Orang yang bermusafir meninggalkan Makkah pada jarak 2 marhalah (81KM) seperti pulang ke Tanah Air atau ke Madinah.

2. Orang yang meninggalkan Makkah dan akan bermukim di luar Tanah Haram selama 4 hari atau lebih walaupun jaraknya kurang dari 2 marhalah sama ada penduduk Makkah ataupun bukan.

NOTA Orang yang bermusafir ke suatu tempat dengan jarak 2 marhalah dan kembali ke Tanah Haram seperti jemaah yang berkunjung ke Taif/Jeddah, SUNAT melaksanakan Tawaf Wada'.

TAWAF WADA'

PERSIAPAN SEBELUM TAWAF WADA'

- Dapatkan maklumat penerbangan pulang dari Pejabat Maktab (bagi yang akan pulang ke Malaysia atau ke Madinah).
- Membuat persiapan semua barang keperluan (jika terdapat barang yang hendak dibeli, belilah sebelum melakukan Tawaf Wada').
- Berwuduk dan melaksanakan Tawaf Wada' berdasarkan jadual dan arahan yang dikeluarkan oleh Pejabat Maktab.



NOTA Tidak perlu memakai pakaian ihram dan tidak perlu keluar ke miqat.

TAWAF WADA'

NIAT TAWAF WADA' (WAJIB)

Sebelum Tawaf Wada' disyaratkan melafazkan niat berikut:

اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيْدُ طَوَافَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ
طَوَافَ الْوَدَاعِ فَيَسِّرْهُ لِي وَتَقَبَّلْهُ مِنِّي لِلَّهِ تَعَالَى

"Ya Allah aku hendak tawaf Baitullah al-Haram tujuh pusingan Tawaf Wada' maka permudahkanlah bagiku dan terimalah daripadaku kerana Allah Taala."

TAWAF WADA'

- Tawaf Wada' dilakukan setelah sempurnanya Rukun Umrah atau Rukun Haji.

- Hendaklah bersegera meninggalkan Makkah kecuali kerana perkara berkaitan solat atau perjalanan.



TAWAF WADA'

PERKARA YANG BOLEH DILAKUKAN SELEPAS TAWAF WADA' (SEMASA BERADA DALAM MASJID AL-HARAM)

- Menunaikan Solat Sunat Tawaf dan berdoa selepasnya di Masjid al-Haram
- Mengucup Hajar al-Aswad
- Minum Air Zamzam
- Berdoa di Multazam
- Menunaikan solat fardhu sekiranya muazzin telah melaungkan azan atau muazzin sedang melaungkan azan

TAWAF WADA'

PERKARA YANG BOLEH DILAKUKAN SELEPAS TAWAF WADA' DI HOTEL

- Makan dan minum di hotel.
- Qada' hajat.
- Mandi, menyalin dan menukar pakaian.
- Zikir dan membaca al-Quran sementara menunggu.
- Mengambil beg atau barang yang diletakkan/ditinggalkan di bilik penginapan.
- Mencari isteri, saudara, waris dan rakan yang hilang.
- Mengangkat barang-barang yang hendak dibawa bersama.
- Tidur dalam bilik hotel sementara menunggu bas/ketibaan kenderaan.
- Melawat pasangan, saudara, waris, rakan yang sakit di hospital/klinik (bagi kes kecemasan dan hajat).

TAWAF WADA'

PERKARA YANG BOLEH DILAKUKAN SELEPAS TAWAF WADA' DI HOTEL

- Sebarang urusan yang berkaitan dengan perjalanan sama ada ke Jeddah atau Madinah seperti membeli makanan dan minuman untuk kegunaan dalam perjalanan dan sebagainya. Menunggu kenderaan (lewat tiba kerana kesesakan dan sebagainya).
- Bersedekah ketika menunggu kedatangan kenderaan di penginapan.
- Membayar dam. Walaupun begitu, digalakkan untuk membayar sebelum Tawaf Wada'.
- Menunaikan solat fardhu di hotel berdekatan dengan berimamkan imam di Masjid al-Haram.

*Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-35 Musim Haji 1439H - 9-11 November 2018.

TAWAF WADA'

PERKARA YANG TIDAK DIGALAKKAN SELEPAS TAWAF WADA'

- Berlengah-lengah di dalam Masjid al-Haram sehingga menyebabkan perjalanan jemaah haji lain terganggu kerana menunggu kepulangan jemaah tersebut.

- Bersedekah semasa dalam Masjid al-Haram atau dalam perjalanan balik ke Bangunan Penginapan.

TAWAF WADA'

PERKARA YANG TIDAK DIGALAKKAN SELEPAS TAWAF WADA' (DALAM PERJALANAN KE BANGUNAN PENGINAPAN)

- Membeli barangan yang tiada kaitan dengan keperluan perjalanan seperti tasbih, minyak wangi, cincin, kain tudung, makanan burung dan sebagainya walaupun dengan nilai SR1.
- Mengambil gambar semasa dalam perjalanan ke bangunan penginapan.

*Dibolehkan bergambar/mengambil gambar, setelah sampai ke bangunan penginapan.

TAWAF WADA'

PERKARA YANG MEMBATALKAN TAWAF WADA'

Perbuatan-perbuatan yang jelas menampakkan keinginannya untuk bermukim, seperti kembali berulang alik ke Masjid al-Haram untuk menunaikan solat fardhu.

NOTA Keputusan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-40.

TAWAF WADA'

Orang yang dikecualikan Tawaf Wada'

1. Perempuan yang didatangi haid, atau nifas.
2. Perempuan yang didatangi istihadah dalam tempoh haid.
3. Orang luka dan berdarah banyak yang boleh menajiskan masjid.
4. Orang yang tidak mendapat air/tanah untuk mengangkat hadas.
5. Orang yang takut terancam nyawa, kehormatan diri, harta bendanya dan harta benda yang diamanahkan.
6. Orang yang takut ditinggalkan rakan seperjalanan.
7. Orang yang berpenyakit salasulbaul (kencing tidak lawas).
8. Orang yang dipaksa meninggalkan Tawaf (kes kecemasan/darurat/terdesak).
9. Orang yang takut kepada peminta hutang, dalam keadaan tidak berupaya membayar hutang.
10. Orang yang terpaksa dipimpin atau diusung kerana uzur dan tidak mampu duduk diatas kerusi roda.
11. Orang yang dalam rawatan rapi dan berjadual.
12. Petugas yang kerap keluar masuk Makkah kerana tugas menguruskan jemaah haji.

TAWAF WADA'

TEMPOH MENUNGGU SELEPAS TAWAF WADA':

1 Golongan yang tiada masalah musafir.

Tempoh menunggu 12 jam. Tempoh ini dalam keadaan biasa tanpa ada halangan atas sebab urusan berkaitan permusafiran.

Perkiraan masa 12 jam tersebut hendaklah dikira bermula dari masa jemaah haji sampai di bangunan penginapan setelah pulang dari Tawaf Wada'. Sekiranya jemaah tidak keluar dari Makkah dalam masa 12 jam selepas Tawaf Wada' bukan disebabkan masalah urusan berkaitan permusafiran, tidak perlu diulangi semula Tawaf.

TAWAF WADA'

TEMPOH MENUNGGU SELEPAS TAWAF WADA':

2 Golongan yang menghadapi masalah musafir.

Tempoh menunggu 24 jam. Tempoh ini adalah dalam keadaan di mana Tawaf Wada' telah selesai, kemudian dalam tempoh 24 jam baru dimaklumkan kelewatan pergerakan kenderaan keluar dari Makkah maka jemaah tidak perlu mengulang semula Tawaf Wada'. Perkiraan masa 24 jam tersebut hendaklah dikira bermula dari masa jemaah haji sampai di bangunan penginapan setelah pulang dari Tawaf Wada'.

TAWAF WADA'

PERMASALAHAN TAWAF WADA'

SOALAN:

Apakah perkara-perkara yang perlu disempurnakan oleh Jemaah Haji sebelum mereka melakukan Tawaf Wada' dan sesudah melakukannya? Adakah boleh dengan sengaja melengahkan perjalanan kerana makan/minum, membeli-belah atau menziarahi kawan-kawan?

JAWAPAN:

Apa-apa sahaja perbuatan yang dilakukan selepas Tawaf Wada' yang tidak termasuk dalam kategori tanda-tanda yang menunjukkan hendak bermukim di Makkah (Mazannah al-Iqamah) dan tidak bercanggah dengan konsep berakhir meninggalkan Makkah dengan Tawaf Wada' (Ahdi Bi al-Bait) adalah dibenarkan.

TAWAF WADA'

Ibadat umrah perlu difahami dan dilaksanakan dengan cara yang betul supaya diterima oleh Allah S.W.T..

Niat bersyarat semasa mengerjakan haji atau umrah tidak hanya terikat dengan kes perempuan haid.

Pendapat al-Asah dalam Mazhab Syafi'e, hukum Tawaf Wada' adalah wajib tetapi terdapat pengecualian yang tertentu.

DOA MOHON HAJI YANG MABRUR

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَبْرُورًا وَذَنبًا مَغْفُورًا وَسَعْيًا مَشْكُورًا وَعَمَلًا صَالِحًا مَقْبُولًا وَتِجَارَةً لَن تَبُورَ



Ya Allah, Ya Tuhan kami kurniakanlah haji yang mabrur dan ampunkanlah dosa-dosa hamba dan pekerjaan haji yang dipuji, amalan soleh yang diterima dan perniagaan yang tidak merugikan.



SEMOGA SEMUA BAKAL JEMAAH HAJI YANG DIKASIHI
DIBERIKAN OLEH ALLAH S.W.T.

KESABARAN & KETENANGAN

SERTA DIDOAKAN MENDAPAT SEBAIK-BAIK

GANJARAN

Haji Yang Mabrur &
Umrah Yang Maqbulah